

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil yang diperoleh daripada Program GENIUS Negara dan bagaimanakah hala tuju kanak-kanak ini setelah 10 tahun program ini dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program GENIUS, yang dahulunya dikenali sebagai PERMATA telah mula dilaksanakan pada tahun 2006 dan pada ketika itu dikendalikan oleh Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri (JPM). Walau bagaimanapun, pada 30 Mei 2018, Kerajaan memutuskan supaya Bahagian PERMATA di bawah JPM dipindahkan ke Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Keputusan ini dibuat setelah mengambil kira tujuan dan objektif penubuhan kesemua Program PERMATA yang menyediakan pendidikan berkualiti dari awal usia kanak-kanak sehinggalah ke peringkat pra-universiti. Kerajaan juga telah bersetuju supaya nama PERMATA ditukar kepada GENIUS selaras dengan pembaharuan struktur tadbir urus Program tersebut.

Secara keseluruhan, Program GENIUS Negara adalah bertujuan untuk menyediakan kanak-kanak berumur satu (1) hingga empat (4) tahun yang lengkap dalam aspek sahsiah, emosi, fizikal dan kognitif sebelum memasuki sekolah aliran perdana. Fokus program ini adalah

untuk memastikan hala tuju kanak-kanak berkembang secara holistik berdasarkan enam (6) bidang perkembangan iaitu (i) Perkembangan Sahsiah, Sosio-Emosi Dan Kerohanian; (ii) Perkembangan Bahasa, Komunikasi Dan Literasi Awal; (iii) Perkembangan Deria Dan Pemahaman Dunia Persekitaran; (iv) Perkembangan Awal Matematik Dan Pemikiran Logik; (v) Perkembangan Kreativiti Dan Estetika; dan (vi) Perkembangan Fizikal dan Psikomotor. Dengan ini anak-anak tidak akan menjurus kepada pencapaian akademik semata-mata. Bagi tahun 2007 hingga 2019, seramai 8,790 kanak-kanak telah berjaya mengikuti Program GENIUS Negara. Sehingga kini, terdapat 90 Pusat Anak GENIUS Negara (PAGN) dengan purata enrolmen sebanyak 2,083 orang setahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa berusaha menambah baik Program GENIUS Negara. Antara usaha yang dilakukan adalah dengan melaksanakan Kajian Keberkesanan Program GENIUS Negara yang sedang dijalankan mulai Mac 2020. Kajian ini dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Pembangunan Kanak-kanak Negara (NCDRC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk menilai keberkesanan perkembangan kanak-kanak berdasarkan tempoh kanak-kanak mengikuti program di PAGN ini.

Di samping itu, KPM juga sentiasa membuat penambahbaikan Program GENIUS Negara dalam aspek pemurnian Kurikulum Asuhan Pendidikan Awal Kanak-kanak dan juga Modul Kursus Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak PERMATA (KAP). Kurikulum dan modul ini turut digunapakai oleh Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Kerajaan seperti TASKA KEMAS, TASKA PERPADUAN dan TASKA Swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sekian, terima kasih.